

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI RABU, 24 JULAI 2013, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 4**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1311-L16556  
**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang menapis kandungan laman sesawang dan blog terutamanya yang didaftarkan di negara ini agar maklumat yang disampaikan telus serta tidak menyebarkan laporan palsu dan berbentuk fitnah terutamanya yang memburuk-burukkan Kerajaan dan Institusi DiRaja.
2. PN-1311-L16914  
**Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan ramai pelajar kita kurang berpengetahuan malah tidak menghargai sejarah negara sendiri sehingga ada yang sanggup terlibat dalam pelbagai kejadian negatif kebelakangan ini yang nyata bertentangan dengan sejarah negara, amat membimbangkan. Apakah pendekatan pihak Kementerian dalam hal ini demi kedaulatan negara tercinta.
3. PN-1311-L16713  
**Dato' Jaspal Singh** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik kemalangan pembinaan sejak 2011 terutamanya kemalangan di tapak pembinaan projek seperti projek jalan raya, jambatan dan pembinaan bangunan. Antaranya, apakah angka mangsa meninggal dunia dan ditimpa kecederaan.
4. PN-1311-L16405  
**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah lesen/permit yang dikeluarkan kepada syarikat-syarikat penyumber luaran (*out-source companies*) hingga akhir bulan Jun, 2013. Di bawah peruntukan mana dalam undang-undang yang membolehkan Kementerian mengeluarkan lesen-lesen tersebut.

5. PN-1311-L16443

**Datuk Pau Chiong Ung** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) adakah pihak Kementerian mempunyai mekanisme tertentu melalui Jabatan Tenaga Rakyat untuk membantu rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara yang tertindas atau tertipu oleh syarikat asing yang mengupah mereka; dan
- (b) berapakah jumlah kes yang dapat diselesaikan dan apakah tindakan yang diambil terhadap syarikat terbabit.

6. PN-1311-L16737

**Tuan Chiew Lian Keng** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan usaha dan memberi satu senarai projek USP (*Universal Service Provider*) serta setakat mana usaha ini telah merapatkan jurang komunikasi di antara bandar dan luar bandar, dan apakah jumlah tabung tersebut setakat ini.

7. PN-1311-L16233

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan :-

- (a) apakah rancangan dan usaha-usaha Kementerian bagi meringankan beban sara hidup rakyat; dan
- (b) adakah Kementerian akan menambahkan produk 1Malaysia seperti kedai rakyat 1Malaysia, kedai kain 1Malaysia, kedai ikan 1Malaysia, dan seumpamanya memandangkan sambutan terhadap jenama tersebut amat menggalakkan. Jika ya, nyatakan berapa jumlah dan tempat yang akan dibina.

8. PN-1311-L16624

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) apakah kriteria-kriteria yang telah digunakan oleh *United Nations Conference on Happiness* bagi menyediakan *World Happiness Report*; dan
- (b) nama-nama 5 negara yang penduduknya paling bahagia (*happiest countries*) di dunia dan apakah kedudukan negara Malaysia di dalam *World Happiness Report 2012*.

9. PN-1311-L16678

**Dato' Syed Ibrahim bin Kader** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tempoh menunggu pesakit untuk mendapatkan rawatan di hospital-hospital Kerajaan dan klinik-klinik Kerajaan memakan masa yang begitu lama dan adakala sehingga 4 jam. Apakah tindakan yang telah diambil dan adakah tindakan yang telah diambil ini berkesan untuk mengatasi masalah ini.

10. PN-1311-L16425  
**Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pada 28 September 2012 semasa Bajet 2013, Kerajaan telah mengumumkan projek perintis TASKA OKU bagi 6 kategori kanak-kanak OKU yang merangkumi *down syndrome, autisme*, cacat penglihatan, pekak dan bisu, fizikal dan OKU masalah pembelajaran. Apakah status terkini penubuhan TASKA tersebut.
11. PN-1311-L16218  
**Dr. Lucas Umbul** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan usaha-usaha Kementerian dalam membantu golongan Orang-orang Asli dalam pemilikan tanah dan pembasmian kemiskinan kepada golongan masyarakat peribumi ini.
12. PN-1311-L16460  
**Dr. Ariffin bin S.M. Omar** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramai kanak-kanak dilaporkan hilang antara 2006 sehingga kini. Beri pecahan melalui keturunan kaum dan apakah hasil siasatan polis terhadap kes-kes kehilangan kanak-kanak ini. Adakah sindiket-sindiket tempatan atau asing terlibat dalam kes kehilangan kanak-kanak tersebut.
13. PN-1311-L16197  
**Puan Norliza binti Abdul Rahim** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian dalam memastikan kekerapan kenaikan harga barang binaan tidak melonjak dengan mendadak.
14. PN-1311-L16181  
**Datuk Chin Su Phin** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah kos keseluruhan dan peruntukan yang digunakan oleh Kerajaan dalam menambah bilangan anggota polis bermotor di seluruh negara, dan adakah program ini berjaya mencapai sasaran dalam mengurangkan kadar jenayah.
15. PN-1311-L16699  
**Dato' Muhammad Olian b Abdullah** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bahawa laporan menyatakan terdapat peningkatan kes malaria di perkampungan Orang Asli, apakah tindakan yang akan dan sedang diambil untuk mengawal dan seterusnya membasmi penyakit ini.
16. PN-1311-L16306  
**Puan Hajah Rohani binti Abdullah** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan bayi di bawah pusat perlindungan bayi (*baby hatch*) sama ada Kementerian mahupun pertubuhan kebijakan dan pengurusan anak yatim di seluruh negara dan nyatakan langkah-langkah Kementerian bagi memastikan kebijakan bayi-bayi ini terpelihara.

17. PN-1311-L16581  
**Dato' Lim Nget Yoon** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan peminjam PTPTN yang telah menjelaskan pinjaman mereka dengan sepenuhnya. Adakah peminjam-peminjam yang membayar balik pinjaman mereka melalui potongan gaji pada setiap bulan layak diberi diskaun.
18. PN-1311-L16457  
**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada pemantauan dibuat ke atas pelajar-pelajar sekolah pondok yang sering meminta derma daripada orang ramai di lokasi seperti kedai makan, stesen minyak, terminal teksi atau bas dan tempat awam lain. Apakah tindakan yang diambil untuk membanteras kegiatan ini dan melindungi keselamatan dan kebajikan pelajar-pelajar terbabit.
19. PN-1311-L16398  
**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan secara terperinci akan nama syarikat-syarikat Kontraktor Tenaga Kerja yang beroperasi dalam sektor perladangan.
20. PN-1311-L16516  
**Puan Chew Lee Giok** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah pakar otak, iaitu *neurologist* dan *neuro surgeon*, yang berkhidmat di hospital Kerajaan. Apakah rancangan Kementerian untuk menambah bilangan pakar neurologi memandangkan kekurangan pakar tersebut untuk menangani bilangan kes strok yang banyak di seluruh negara.
21. PN-1311-L16844  
**Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam jawatan-jawatan tinggi Kerajaan terutamanya jawatan pembuat keputusan. Adakah hasrat mencapai 30 peratus penglibatan wanita telah dicapai.
22. PN-1311-L16661  
**Dato' Syed Ibrahim bin Kader** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi laman sosial/portal '*online*' atau blog yang sering menghentam dan menghina serta menyebarkan fitnah terhadap Kerajaan. Berapa banyakkah yang telah dihadapkan ke muka pengadilan dan apakah tindakan susulan yang diambil selepas dihadapkan ke mahkamah.
23. PN-1311-L16833  
**Datuk Jamilah Sulaiman** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan berapakah nilai artifak (*artifact*) dalam laut yang telah dirompak dan berapa banyakkah kapal dagang dan kapal perang lama yang dikenal pasti tenggelam di kawasan perairan negara.

24. PN-1311-L16249  
**Dato' Nalla K. S.** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap negara anggota ASEAN, Myanmar berhubung keganasan dan pembunuhan yang berlaku terhadap etnik Rohingya di negara tersebut.
25. PN-1311-L16784  
**Dr. Syed Husin Ali** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimana perjanjian *Trans-Pacific Strategic Economic Partnership Agreement* akan mempengaruhi harga ubat-ubatan di Malaysia.
26. PN-1311-L16426  
**Datuk Pau Chiong Ung** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) pada awal tahun 2013, Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB) mengumumkan bahawa KLIA 2 akan dibuka pada 28 Jun 2013; apakah sebab-sebab tempoh pembukaan projek KLIA 2 tertunda lagi kepada 2 Mei 2014, dan adakah penangguhan tersebut akan menyebabkan kos projek melompat; dan
  - (b) apakah kesan-kesan terhadap syarikat-syarikat penerangan yang merancang untuk menggunakan fasiliti KLIA akibat penangguhan projek tersebut.
27. PN-1311-L16361  
**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme yang diguna pakai bagi memastikan setiap fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dapat digazet oleh pihak berkuasa negeri.
28. PN-1311-L16590  
**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan kaedah-kaedah menyemai semangat patriotisme dan cintakan negara di kalangan generasi muda yang terdiri daripada berbagai kaum di Malaysia dan apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang.
29. PN-1311-L16242  
**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah koperasi di seluruh negara dan nyatakan sejauh manakah Kementerian telah menyalurkan bantuan kepada koperasi bermodal kecil di luar bandar dalam usaha mengerak dan membangunkan sosio ekonomi masyarakat luar bandar.
30. PN-1311-L16745  
**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi membela golongan seniman dan seniwersi legenda dan pejuang seni era 1950-an dan 1960-an bagi mengenang jasa mereka di bidang seni.

31. PN-1311-L16773  
**Datuk Chiw Tiang Chai** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan tegas yang boleh dikenakan ke atas mana-mana rakyat negara ini yang menghina SPB YDP Agong melalui media sosial yang semakin berleluasa kebelakangan ini.
32. PN-1311-L16305  
**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini cadangan penswastaan Syarikat Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) kepada Syarikat Malaysia Mining Corporation Berhad.
33. PN-1311-L16598  
**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Kementerian bakal mengorak langkah mendedahkan, menahan serta membawa ke muka pengadilan semua individu-individu yang telah dikenalpasti berhubung insiden pencerobohan Lahad Datu yang secara jelas telah berekongkol dengan beberapa tokoh dalam usaha memporak-perandakan keamanan negara.
34. PN-1311-L16497  
**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah Kementerian menangani ajaran sesat, khurafat dan bidaah termasuk fahaman Syiah yang semakin menular dalam masyarakat Islam negara ini.
35. PN-1311-L16848  
**Tuan Baharudin bin Abu Bakar** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan status terkini pemilikan saham di kalangan Bumiputera dan apakah usaha-usaha pihak Kementerian dalam meningkatkan jumlah pemilikan saham di kalangan Bumiputera.
36. PN-1311-L16570  
**Dato' Lim Nget Yoon** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tindakan diambil oleh pihak Kerajaan terhadap pelajar-pelajar Malaysia di luar negara yang membuat protes terhadap Kerajaan selepas Pilihan Raya Umum Ke-13.
37. PN-1311-L16535  
**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sehingga kini berapakah jumlah kes penipuan dalam internet dan facebook berkaitan khidmat seks, penjualan barang, tawaran pekerjaan dan sebagainya dan berapa kes yang telah berjaya didakwa di mahkamah serta apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya.
38. PN-1311-L16264  
**Dato' Nalla K. S.** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah rasionalnya perlawanan-perlawanan utama bola sepak liga tempatan iaitu perlawanan akhir Piala FA atau pun Piala Malaysia termasuk perlawanan persahabatan pasukan negara dengan kelab-kelab terkenal antarabangsa sering diadakan di Stadium Shah Alam.

39. PN-1311-L16408  
**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-
- (a) bagaimana persediaan Kementerian berhubung perlaksanaan perjanjian perkongsian Trans-Pasifik (TPP) sebelum ianya di muktamadkan akhir tahun 2013 ini; dan
  - (b) adakah Kementerian bercadang menghebahkan secara terperinci untuk tatapan rakyat sebelum apa-apa perjanjian yang melibatkan perkongsian Trans-Pasifik (TPP) ini di muktamadkan.
40. PN-1311-L16315  
**Puan Hajah Rohani binti Abdullah** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi meningkatkan pengeluaran produk halal khususnya oleh pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Bumiputera untuk dieksport ke pasaran luar.
41. PN-1311-L16339  
**Dato' Boon Som a/l Inong** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan guru pelatih yang diambil memasuki Institusi Pendidikan Guru (IPG) dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan tempoh lima tahun terakhir, serta menjelaskan mengenai cadangan untuk memansuhkan jaminan jawatan yang selama ini diberi secara automatik kepada guru pelatih dari IPG dan IPTA.
42. PN-1311-L16729  
**Tuan Chiew Lian Keng** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sama ada kadar fee lesen untuk sebuah komputer di pusat siber boleh direndahkan dari RM150 per unit setahun kepada kadar yang lebih rendah supaya lebih ramai warga kota boleh menikmati kemudahan internet dengan kadar yang murah.
43. PN-1311-L16223  
**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) badan-badan antarabangsa yang manakah turut diundang bagi melihat atau memantau PRU-13 yang lalu; dan
  - (b) apakah pandangan dan penilaian badan-badan terhadap sistem pilihan raya di Malaysia.
44. PN-1311-L16173  
**Datuk Chin Su Phin** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kelebihan yang kita dapat daripada pembukaan Universiti Xiamen di Salak Tinggi nanti dan berapa banyakkah kuota yang akan diberikan kepada pelajar tempatan untuk memasuki universiti ini kelak.

45. PN-1311-L16283

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sekiranya Kementerian bermaksud untuk menggubal dan menguatkuasakan Dasar Pengiklanan Negara untuk memastikan pengiklanan (elektrik dan cetak serta ruang terbuka/outdoor) benar-benar menepati aspirasi nasional baik dari segi penggunaan bahasa dan ilustrasi begitu juga dari segi pembahagian bajet iklan antara syarikat-syarikat Bumiputera dan bukan putera serta antara syarikat tempatan dan syarikat asing.

46. PN-1311-L16637

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan :-

- (a) berapakah hitung panjang (*moving average*) terkini kadar peratus *Non-Revenue Water* (NRW) bagi setiap negeri-negeri di Malaysia dan berapakah anggaran kerugian air tahunan (juta meter padu setahun) dan nilainya (RM) setiap tahun bagi setiap negeri; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri di Pulau Pinang dan Johor bagi mengurangkan NRW dan adakah Kerajaan Persekutuan menyediakan bantuan geran kepada setiap Kerajaan Negeri bagi mengurangkan NRW dan apakah status pelaksanaannya.

47. PN-1311-L16810

**Datuk Chiw Tiang Chai** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bagaimana Kementerian menangkis tanggapan umum terutamanya di kalangan generasi muda bahawa media baru lebih bebas, adil dan jujur berbanding akhbar arus perdana dan siaran televisyen.

48. PN-1311-L16561

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa ramai lagikah pegawai Kerajaan dan swasta yang telah berkahwin tidak memiliki rumah sendiri dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengawal harga rumah pada masa kini.

49. PN-1311-L16542

**Dato' Lim Nget Yoon** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah-langkah diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan bahawa '*subtitle*' dalam Bahasa Inggeris di program-program televisyen itu betul daripada segi nahu dan makna.

50. PN-1311-L16243

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) kedudukan prestasi syarikat-syarikat penerbangan seperti MAS, AirAsia, FireFly dan lain-lain sekarang ini; dan

- (b) apakah langkah-langkah yang diambil bagi menyelesaikan isu ketidakpuasan hati rakyat di negara ini akibat sikap pihak AirAsia yang didakwa tidak mesra penumpang seperti yang terjadi baru-baru ini.
51. PN-1311-L16292  
**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap cadangan untuk menubuhkan satu Mahkamah Koroner yang tetap dan bukan secara 'ad-hoc' seperti yang diamalkan sekarang.
52. PN-1311-L16822  
**Datuk Jamilah Sulaiman** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik Jabatan dan Kementerian yang telah menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan melaksanakan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan seperti mana yang termaktub dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514). Apakah langkah dan tindakan yang diambil bagi memastikan semua Jabatan Kerajaan mematuhi kehendak akta ini.
53. PN-1311-L16746  
**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah kemajuan cadangan untuk membina insinerator bagi melupuskan sampah dan membantu mengurangkan kapasiti sampah di seluruh negara serta sejauh manakah ia mesra alam sekitar.
54. PN-1311-L16775  
**Dr. Syed Husin Ali** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Akta Hasutan 1948 akan dimansuhkan selaras dengan janji YAB Perdana Menteri.
55. PN-1311-L16203  
**Dr. Lucas Umbul** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sejauh mana kerugian yang dialami oleh pengusaha-pengusaha pelancongan Sabah dalam insiden pencerobohan pengganas di Lahad Datu, Sabah menjelaskan sektor pelancongan di Pantai Timur dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi memulihkan keyakinan para pelancong dan pengusaha pelancongan.
56. PN-1311-L16355  
**Dato' Boon Som a/l Inong** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil untuk memudahkan rakyat Malaysia keturunan Siam menukar istilah bangsa Thai kepada bangsa Siam di dalam surat beranak dan MyKad mereka, berikutan kesilapan istilah bangsa yang digunakan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

57. PN-1311-L16476  
**Dr. Ariffin bin S.M. Omar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk menyiasat kes-kes rasuah yang melibatkan pemimpin penting dalam Kerajaan-kerajaan negeri dan sejauh manakah kes-kes rasuah ini telah dihadapkan ke mahkamah untuk dibicarakan.
58. PN-1311-L16549  
**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jaminan di sebalik matlamat menjadi negara maju 2020 serta langkah memperkenalkan liberalisme dalam pelbagai sektor terpilih, peluang dan jaminan pelajar Bumiputera untuk terus menikmati kemudahan basiswa dan pinjaman boleh ubah akan terus terpelihara serta di tambah baikkan.
59. PN-1311-L16447  
**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kaedah bakal di guna pakai atas cadangan pembelajaran maya menggunakan medium telefon pintar dan kemudahan 4G yang bakal membolehkan pengajaran dan pembelajaran (P&P) dijalankan di mana-mana dan pada bila-bila masa.
60. PN-1311-L16244  
**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi mengatasi laman sesawang jabatan Kerajaan khususnya Jabatan Penerangan Malaysia supaya tidak digodam pihak tertentu.
61. PN-1311-L16370  
**Dato' Boon Som a/l Inong** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perkembangan usaha Kementerian bagi menggubal kurikulum Bahasa Siam dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran subjek berkenaan di sekolah-sekolah yang mempunyai sekurang-kurangnya 15 pelajar berketurunan Siam.
62. PN-1311-L16211  
**Dr. Lucas Umbul** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah rizab Kerajaan dan Kumpulan Wang Disatukan dalam simpanan kewangan Kerajaan.
63. PN-1311-L16390  
**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan mengenai jumlah masa bagi pembahagian program RTM dalam slot hiburan, pendidikan, agama, sukan dan lain-lain dalam masa seminggu. Apakah ada kajian yang dibuat sejauh ini mengenai keberkesanan program-program tersebut dalam mendidik masyarakat.

64. PN-1311-L16832  
**Tuan Baharudin bin Abu Bakar** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan masalah perang saudara di Syria kini tidak boleh lagi dianggap sebagai masalah politik dalaman negara itu kerana ia mula membabitkan pihak-pihak luar yang berkepentingan seperti Iran dan Rusia. Dalam soal ini PBB juga gagal memainkan peranan. Apakah pendirian Kerajaan Malaysia dalam soal ini dan apakah peranan yang boleh dimainkan oleh Malaysia untuk mendesak Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) untuk menamatkan konflik berdarah di Syria.
65. PN-1311-L16657  
**Tuan Lihan Jok** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah sasaran untuk memastikan seluruh kawasan di Sarawak akan menerima kemudahan telekomunikasi seperti menara atau tiang pancaran telekomunikasi dalam masa terdekat.
66. PN-1311-L16892  
**Tuan Saiful Izham bin Ramli** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan walaupun kadar defisit mungkin berkurangan dengan pelbagai langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan, bagaimanakah Kerajaan Persekutuan mengurangkan beban hutang terkumpul yang semakin besar melebihi RM 500 bilion ini.
67. PN-1311-L16807  
**Datuk Hj Saat bin Hj Abu** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cadangan kepada Kerajaan Malaysia supaya menyiasat semula kepada kakitangan awam yang menerima pencen, yang menentang Kerajaan secara terang-terang agar pencennya di tarik semula.
68. PN-1311-L16502  
**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah kes kematian Orang Kena Tahan (OKT) dalam lokap polis mengikut tahun, jantina dan bangsa sejak tahun 2010 sehingga Jun 2013. Dan apakah punca kematian mereka serta berapa ramai pegawai/anggota polis yang didakwa di mahkamah serta dihukum bersangkutan kes tersebut.
69. PN-1311-L16412  
**Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk membendung penulisan dan kelakuan yang bertentangan dengan Rukun Negara di kalangan rakyat Malaysia. Apakah usaha dan tindakan tegas Kerajaan untuk membendung perkara ini supaya kita dapat membentuk warganegara yang cintakan negaranya, taat kepada Raja dan menghormati keleluhan undang-undang dan Perlembagaan negara.

70. PN-1311-L16857  
**Datuk Jamilah Sulaiman** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah rancangan dan langkah-langkah Kementerian untuk memupuk perpaduan bermula daripada kalangan murid-murid di peringkat prasekolah dan sekolah rendah, memandangkan isu perpaduan antara pelbagai kaum banyak dipersoalkan akhir-akhir ini.
71. PN-1311-L16688  
**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan penjelasan tentang isu caj data jalur lebar yang tinggi di Malaysia jika dibandingkan dengan negara Singapura, Taiwan, Jepun dan Korea Selatan dan bagaimanakah kaedah dan perancangan Kementerian untuk memastikan penyedia perkhidmatan yang dilesenkan oleh Kementerian menawarkan kadar caj yang lebih murah dan kompetitif jika dibandingkan dengan negara-negara luar.
72. PN-1311-L16714  
**Dato' Jaspal Singh** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimanakah sistem pemantauan bagi Perintah Gaji Minimum akan dipraktikkan. Apakah syarat bagi sesebuah syarikat untuk meminta lanjutan tempoh masa sebelum pelaksanaan gaji minimum dibuat.
73. PN-1311-L16868  
**Dato' Dr. Johari bin Mat** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah pihak Kementerian membantu institusi-institusi pengajian tinggi Islam di negara ini mempertingkatkan reputasi terutama ke arah dinaik taraf sebagai Kolej Universiti atau Universiti.
74. PN-1311-L16648  
**Dato' Syed Ibrahim bin Kader** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapa ramaikah rakyat Malaysia yang berketurunan India Muslim telah mendapat manfaat daripada TEKUN serta jumlah wang yang telah disalurkan dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk membantu peniaga-peniaga India Muslim bagi mendapatkan pinjaman TEKUN ini.
75. PN-1311-L16876  
**Dato' Dr. Johari bin Mat** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah tangkapan kes ajaran sesat pada tahun ini dan statistik peningkatannya dibandingkan dengan tahun lalu, jenis ajaran sesat dan langkah-langkah membasi ajaran sesat tersebut.
76. PN-1311-L16900  
**Tuan Saiful Izham bin Ramli** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menjadi institusi pengajian tinggi awam negara ini sebagai institusi pengajian yang berteraskan keuntungan selari dengan hasrat negara untuk menjadi Malaysia sebagai hub pendidikan di rantau ini, serta apakah tindakan pihak Kementerian bagi mengawal selia institusi pengajian tinggi swasta yang meletakkan fee pengajian yang tinggi menyebabkan ramai penuntut warga Malaysia sendiri tidak mampu untuk meneruskan pendidikan mereka di institusi-institusi seperti ini.

77. PN-1311-L16507  
**Puan Chew Lee Giok** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah suami dan isteri warga asing yang telah didaftarkan untuk sepuluh tahun yang lalu, mengikut tahun. Adakah insiden isteri warga asing menjadi semakin meningkat.
78. PN-1311-L16344  
**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah yang mengikuti kelas-kelas pemulihan mengikut negeri bagi tahun 2012.
79. PN-1311-L16473  
**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian telah menjalankan kempen kesedaran kepada ibu bapa dan remaja sekolah berkaitan kes-kes membabitkan perkahwinan bawah umur hasil daripada hubungan sulit remaja dengan lelaki dewasa dan kes rogol remaja bagi tempoh lima tahun kebelakangan ini.

### **ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat@Ahmad bin Yusop** akan mencadangkan:-

“ Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“ Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersempahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Ketiga Belas.”

**Menyambung semula Perbahasan atas masalah (23 Julai, 2013)**

- |                  |  |                               |
|------------------|--|-------------------------------|
| 2. (D.R. 4/2013) | Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2013 | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
|------------------|--|-------------------------------|

**[ Menteri Kewangan ]**

3. PN-1311-U16251  
**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-

“Bahawa kami Ahli-ahli Dewan Negara Barisan Nasional merakamkan setinggi-tinggi junjungan kasih kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong atas titah ucapan baginda pada 25 Jun 2013 di Dewan Rakyat baru-baru ini. Sesungguhnya titah ucapan tersebut perlu dihayati oleh semua pihak tanpa mengira fahaman politik dan anutan kepercayaan masing-masing. Titah ucapan baginda ternyata amatlah baik dan berkesan untuk keamanan, perpaduan, kesejahteraan, kebaikan, kemakmuran semua pihak, rakyat dan negara ini.”

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

4. PN-1311-U16252  
**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-

“Bahawa kami Ahli Dewan Negara dari Barisan Nasional merakamkan setinggi penghargaan dan tahniah di atas kemenangan Barisan Nasional pada PRU-13 baru-baru ini. Kami juga merakamkan tahniah kepada YAB Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak dan YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin yang dilantik sebagai Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

Turut merakamkan tahniah kepada semua Menteri, Timbalan Menteri dan semua Ahli Parlimen Barisan Nasional, serta juga kepada Senator-Senator baru yang telah dilantik. Semoga mereka dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan baik, amanah, bertanggungjawab, cemerlang dan terbilang demi kesejahteraan rakyat dan negara."

#### [ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]

5. PN-1311-U16256

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-

"Bahawa kami menggesa Kerajaan menangani isu jerebu yang saban tahun berlaku dan sentiasa berulang di negara ini. Kami berharap Kerajaan dapat menyelesaikan isu ini dalam bentuk jangka panjang agar tidak berulang kembali. Kami juga menyeru supaya satu usaha dibuat diantara Kerajaan Malaysia dan Indonesia secara bersungguh-sungguh, menyeluruh, bersifat proaktif serta tidak berulang lagi."

#### [ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar ]

6. PN-1311-U16257

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** akan mencadangkan:-

"Bahawa kami menggesa Kerajaan mengutamakan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan daripada rakyat asing. Kita sedar bahawa sekarang ini terlalu ramai rakyat asing sama ada yang halal atau haram (PATI) bekerja di negara ini. Dianggarkan sekitar 5 juta orang. Ini mengancam peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dan keselamatan negara. Oleh itu, sudah sampai masanya kerajaan merancang dan berusaha untuk mengurangkan kedatangan rakyat asing dan mengurangkan penggunaan tenaga kerja mereka dan sebaliknya diganti oleh rakyat tempatan yang sekarang ini banyak menganggur. Oleh itu satu cetak biru dan tindakan yang bersifat jangka pendek dan jangka panjang wajib dilaksanakan segera bagi menghindarkan terjadinya seperti kata pepatah "kera di hutan disusukan, anak dibuaian ditinggalkan."

#### [ Menteri Sumber Manusia ]

7. PN-1311-U16387

**Dato' Boon Som a/l Inong** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan supaya meminda tempoh jawatan sebagai Ahli Dewan Negara daripada tiga tahun kepada lima tahun, dan mengkaji semula elaun dan kemudahan Ahli Parlimen. Pindaan ini perlu memandangkan tempoh tiga tahun adalah sangat terhad untuk membolehkan seseorang Ahli Dewan Negara memberi perkhidmatan dengan berkesan.

Sungguhpun Ahli Dewan Negara tidak mempunyai kawasan tertentu dan pengundi, mereka mewakili kelompok tertentu dan mempunyai tanggungjawab tertentu terhadap kelompok yang diwakilinya, terutama bagi Ahli Dewan Negara yang dilantik mewakili masyarakat minoriti seperti Masyarakat Siam. Bahkan kadangkala peranan Ahli Dewan Negara yang mewakili masyarakat minoriti hampir-hampir menyamai peranan Ahli Dewan Rakyat yang dilantik menerusi pilihan raya. Bahkan ditinjau di negara-negara jiran di rantau ASEAN ini yang juga mengamalkan sistem bicameralism, didapati Senator di Indonesia memegang jawatan selama lima tahun manakala di Thailand dan Filipina pula selama enam tahun. Dengan pindaan ini kelak akan meletakkan Senator di Malaysia setara dengan rakan sejawat mereka di negara jiran. Begitu juga dengan elauan dan kemudahan Ahli Parlimen, kajian semula perlu dilakukan supaya bersesuaian dengan keadaan semasa, terutama dari segi ekonomi, serta tanggungjawab yang dipikulnya. Sejak Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 diwartakan, kali terakhir gaji Ahli Parlimen disemak adalah pada tahun 2005. Dibandingkan dengan negara jiran, gaji Ahli Parlimen di negara ini jauh lebih rendah. Ahli Parlimen negara ini memperoleh RM6,500 sebulan berbanding Ahli Parlimen Singapura (RM33,589), Indonesia (RM18,000) dan Thailand (RM11,534). Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk mengambil tindakan serius bagi meminda tempoh jawatan sebagai Ahli Dewan Negara daripada tiga tahun kepada lima tahun, dan mengkaji semula elauan dan kemudahan Ahli Parlimen."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN 2013</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.1	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia Bagi Tahun 2011.	24 Julai 2013
ST.13	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Laporan Kewangan Bagi Tahun 2011.	24 Julai 2013
ST.15	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Guru-Guru Bagi Tahun 2011.	24 Julai 2013
ST.20	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Bagi Tahun 2011.	24 Julai 2013